

COMPETITION LAW IN MALAYSIA. Oleh Nasarudin Abdul Rahman & Haniff Ahamat. Sweet & Maxwell. Selangor. 2016. Hlm. 267. ISBN: 978-967-0915-44-9

Undang-Undang Persaingan telah diperkenalkan di Malaysia semenjak tahun 2010 dan telah dikuatkuasakan pada tahun 2012. Pengenalan Undang-Undang Persaingan di Malaysia selaras dengan hasrat komuniti ekonomi ASEAN yang bermatlamat untuk menjadikan ASEAN sebagai rantau yang berdaya saing di peringkat global. Perbincangan yang terkandung di dalam buku ini menerangkan secara terperinci pemakaian Undang-Undang Persaingan di Malaysia seperti yang terkandung di dalam Akta Persaingan 2010, Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 dan juga garis-garis panduan yang telah disediakan oleh pihak Suruhanjaya Persaingan Malaysia. Buku ini juga mengambil contoh pendekatan kes-kes yang diputuskan oleh Suruhanjaya Persaingan di Kesatuan Eropah memandangkan Malaysia masih lagi di peringkat awal pelaksanaan undang-undang persaingan serta mengambil kira faktor bahawa undang-undang persaingan yang wujud di Kesatuan Eropah telah dijadikan model undang-undang untuk Malaysia.

Buku "Competition Law In Malaysia" ini merupakan karya penulisan Nasarudin Abdul Rahman dan Haniff Ahamat yang merupakan pensyarah-pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Penulis-penulis buku ini merupakan pemegang Ijazah Doktor Falsafah dan masing-masing merupakan alumni UIAM di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Kedua-dua penulis merupakan pensyarah yang mendalami bidang Undang-Undang Persaingan melalui penyelidikan dan juga pengajaran di UIAM.

Buku ini mengandungi 267 halaman dan dibahagikan kepada 9 bab. Setiap bab di dalam buku ini disusun dengan kemas supaya pembaca dapat memahami apakah yang dimaksudkan dengan Undang-Undang Persaingan secara am dan secara khususnya di Malaysia serta peruntukan undang-undang berkaitan dengan persaingan di Malaysia. Pengenalan kepada Undang-Undang Persaingan, teori-teori yang digunapakai dalam persaingan serta objektif Undang-Undang Persaingan dimuatkan dalam bab satu buku ini. Melalui bab *Introduction* ini, pembaca boleh mendapat gambaran secara menyeluruh tentang apakah yang dimaksudkan dengan undang-undang persaingan, matlamat undang-undang tersebut dan struktur pemakaiannya dalam konteks aktiviti komersial di Malaysia. Penerangan tentang konsep monopoli yang dibuat oleh penulis-penulis dalam bab ini dapat membantu pembaca memahami bahawa monopoli boleh mendatangkan impak positif dan juga negatif yang berhubung rapat dengan konsep persaingan di pasaran. Penulis-penulis juga memberikan penerangan terperinci tentang beberapa terma yang sering diguna pakai di dalam Undang-Undang Persaingan seperti terma pasaran dan kuasa dalam pasaran. Di dalam bab 1 ini juga, pembaca akan diberi penerangan tentang struktur yang biasa wujud dalam persaingan seperti perjanjian anti-persaingan, penyalahgunaan kedudukan dominan, penggabungan dan juga amalan perdagangan tidak adil. Pembaca juga diberikan gambaran perbezaan tentang Undang-Undang Persaingan dan juga Undang-Undang Persaingan yang dikawal selia oleh sektor tertentu seperti sektor komunikasi dan multimedia dan juga sektor tenaga.

Bab 2 dalam buku ini membincangkan tentang susur galur sejarah Undang-Undang Persaingan di Malaysia yang diberi tajuk *The Historical and Policy Background*. Keseluruhan bab 2 ini berkisar tentang kedudukan politikal ekonomi Malaysia sewaktu sebelum rusuhan 1969 dan selepas rusuhan 1969. Rasionalnya ialah supaya pembaca dapat memahami sejauh mana keadaan-keadaan tersebut mempengaruhi struktur pembentukan Undang-Undang Persaingan di Malaysia dan penguatkuasaan undang-undang tersebut di masa akan datang.

Penulis-penulis menjelaskan bahawa polisi-polisi baru yang diperkenalkan selepas peristiwa rusuhan 1969 seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Baru, penswastaaan dan penyahkawalseliaan menjadi faktor yang diambil kira semasa menderaf peruntukan undang-undang berkaitan persaingan di Malaysia. Menurut penulis-penulis, polisi-polisi tersebut diperkenalkan bagi merapatkan jurang ekonomi di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera dan dalam masa yang sama memastikan kepentingan kaum lain tidak diabaikan. Di bahagian akhir bab 2 ini, penulis-penulis membincangkan tentang proses-proses serta cabaran dan halangan yang dilalui oleh badan perundangan di Malaysia sebelum Akta Persaingan 2010 dapat diperkenalkan kepada umum, antaranya ialah berkaitan dengan punca kelewatan dalam memperkenalkan Undang-Undang Persaingan di Malaysia serta ketakcukupan polisi sedia ada seperti perdagangan dan pengguna dalam mempromosikan persaingan. Penulis-penulis juga menyenaraikan faktor-faktor dalaman dan luaran yang mendesak kerajaan untuk memperkenalkan Undang-Undang Persaingan di Malaysia seperti penglibatan Malaysia dalam perjanjian perdagangan bebas dan juga integrasi pasaran ASEAN.

Perbincangan berkaitan skop pemakaian Akta Persaingan 2010 dan aplikasinya dimuatkan dalam bab 3 buku ini, yang diberi tajuk *Scope and Application*. Melalui bab 3, penulis-penulis menerangkan bahawa secara umumnya, Akta Persaingan 2010 terpakai untuk “aktiviti komersil” di dalam atau di luar Malaysia tertakluk pada sekiranya aktiviti komersial luar Malaysia mempunyai “kesan” persaingan dalam pasaran di Malaysia. Perbahasan dan kritikan berkaitan doktrin ujian “kesan” yang wujud di Amerika Syarikat yang diterima pakai di Malaysia juga dibuat oleh penulis-penulis dengan membandingkannya dengan doktrin “implementasi” yang digunakan di Kesatuan Eropah dan juga di United Kingdom. Menurut penulis-penulis lagi, walaupun aktiviti komersil dikawal selia oleh Undang-Undang Persaingan, namun, terdapat aktiviti-aktiviti yang bersifat komersil yang tidak termasuk dalam konteks “aktiviti komersil” seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Persaingan 2010. Sebagai contoh, aktiviti yang dibuat dalam perjalanan kuasa kerajaan, aktiviti yang berasaskan prinsip perpaduan dan aktiviti yang berkait pembelian barang atau perkhidmatan yang bukan bermaksud menawarkan barangan atau perkhidmatan sebagai sebahagian daripada suatu aktiviti ekonomi. Selain daripada pemakaian Akta Persaingan 2010 terhadap aktiviti komersil, penulis-penulis juga menerangkan bahawa Akta Persaingan 2010 tidak terpakai bagi aktiviti komersil yang dikawal selia oleh undang-undang berikut; Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 dan Akta Pembangunan Petroleum 1974. Rasionalnya ialah kerana aktiviti komersil yang dijalankan oleh sektor-sektor yang disenaraikan tersebut dikawal selia oleh statut dan undang-undang subsidiari sektor yang terbabit. Di dalam bab 3 ini juga ada dinyatakan bahawa bahawa larangan-larangan dalam Akta Persaingan 2010 tidak terpakai bagi aktiviti yang tersebut, iaitu; perjanjian untuk mematuhi kehendak perundangan, aktiviti perundingan kolektif dan perkhidmatan yang bersifat kepentingan ekonomi umum. Peruntukan Undang-Undang Persaingan terhadap aktiviti-aktiviti yang dinyatakan tersebut di atas sebahagian besarnya di ambil dari peruntukan Undang-Undang Persaingan di Kesatuan Eropah, sebagai contoh, perkhidmatan yang bersifat kepentingan umum.

Bab 4 buku ini yang bertajuk ‘*Anti-Competitive Agreement*’ mengupas satu persatu peruntukkan undang-undang berkaitan perjanjian anti-persaingan yang terkandung di dalam Akta Persaingan 2010 serta aplikasi pemakaiannya di Malaysia. Melalui bab 4 ini, pembaca akan didedahkan dengan tafsiran peruntukkan undang-undang perjanjian anti-persaingan, dan juga kes-kes yang telah diputuskan oleh Suruhanjaya Persaingan. Antara perbincangan dalam bab ini ialah maksud perjanjian menegak dan perjanjian mendatar yang dilarang oleh Akta

Persaingan 2010 serta elemen-elemen yang perlu dipenuhi bagi menjadikan sesuatu perjanjian itu terlarang. Penulis-penulis juga membuat kupasan bagi setiap elemen yang perlu dipenuhi di bawah seksyen 4 Akta Persaingan 2010 seperti perbezaan berkaitan perjanjian anti-persaingan yang mempunyai “matlamat” atau “kesan” mengganggu persaingan di pasaran. Bagi tujuan untuk menyampaikan maksud dan penerangan dengan lebih jelas kepada pembaca, penulis-penulis membawakan contoh-contoh perjanjian yang dikategorikan sebagai perjanjian menegak dan perjanjian mendatar yang mengandungi “matlamat” atau “kesan” mengganggu persaingan dalam pasaran. Bagi perjanjian mendatar yang bersifat anti-persaingan, penulis-penulis menyenaraikan “matlamat” yang dianggap mengganggu persaingan di bawah seksyen 4(2) Akta Persaingan iaitu, (a) perjanjian mendatar yang mempunyai matlamat untuk menetapkan harga belian atau jualan suatu barang atau perkhidmatan, (b) perjanjian mendatar yang bermatlamat untuk berkongsi pasaran atau punca bekalan, (c) perjanjian mendatar yang menghadkan atau mengawal (i) pengeluaran (ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran (iii) pembangunan teknikal atau teknologi, atau (iv) pelaburan (d) perjanjian mendatar yang bermatlamat untuk melakukan tipuan bida. Selain dari yang dinyatakan di atas, penulis-penulis juga mendatangkan contoh yang di ambil dari Garis Panduan Berkaitan Perjanjian Anti-Persaingan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Persaingan. Perbincangan berkaitan jenis-jenis perjanjian menegak yang mendatangkan “kesan” bersifat anti-persaingan juga dibincangkan oleh penulis-penulis secara terperinci seperti perjanjian penetapan harga jualan semula dan perjanjian pengedaran eksklusif. Aplikasi seksyen 4 Akta Persaingan 2010 diperlihatkan oleh penulis-penulis melalui kes-kes yang telah didengar dan diputuskan oleh Suruhanjaya Persaingan, bermula sejak Undang-Undang Persaingan diperkenalkan di Malaysia sehingga ke tarikh buku tersebut ditulis. Dalam masa yang sama, penulis-penulis juga memperlihatkan aplikasi Undang-Undang Persaingan di Kesatuan Eropah berkaitan perjanjian anti-persaingan dan seterusnya membuat perbandingan dengan Malaysia.

Lanjutan daripada perbincangan di bab 4 berkaitan *Anti-Competitive Agreement*, bab 5 buku ini membincangkan satu lagi jenis larangan yang diperuntukkan oleh Akta Persaingan 2010 iaitu penyalahgunaan kedudukan dominan. Sesuai dengan tajuk bab 5 ini iaitu *Abuse of Dominant Position*, perbincangan dalam bab ini memfokus pada isu berkaitan kedudukan dominan serta jenis-jenis perlakuan yang termasuk dalam maksud penyalahgunaan kedudukan dominan. Penulis-penulis menekankan bahawa terdapat dua elemen utama yang perlu dipenuhi bagi penyalahgunaan kedudukan dominan iaitu; suatu perusahaan itu hendaklah dominan di pasaran di Malaysia dan samada perusahaan tersebut telah melakukan penyalahgunaan kedudukan dominan di pasaran. Bagi elemen yang pertama, penulis-penulis menghuraikan dengan terperinci maksud kedudukan dominan dalam pasaran seperti yang termaktub di dalam Akta Persaingan 2010 manakala bagi elemen yang kedua, penulis-penulis mengupas satu persatu perbuatan yang dianggap sebagai penyalahgunaan kedudukan dominan yang terkandung dalam seksyen 10(2) Akta Persaingan 2010. Antara perbuatan-perbuatan yang dianggap sebagai penyalahgunaan kedudukan dominan ialah mengenakan harga belian atau jualan yang tidak adil ke atas pembekal atau pelanggan, menghadkan atau mengawal pengeluaran, saluran keluar pasaran atau capaian pasaran, pembangunan teknikal atau pelaburan sehingga memudaratkan pengguna atau enggan membekalkan kepada suatu perusahaan kategori perusahaan tertentu. Penulis-penulis juga memberikan contoh-contoh penyalahgunaan kedudukan dominan yang tidak terkandung di bawah seksyen 10(2) Akta Persaingan 2010 iaitu himpitan margin (*margin squeeze*) dan perjanjian eksklusif (*exclusive dealing*). Keseluruhan perbincangan yang dibuat oleh penulis-penulis didatangkan dengan contoh-contoh kes yang telah diputuskan di Malaysia dan juga di Kesatuan Eropah.

Memandangkan aktiviti anti-persaingan yang dilarang di Malaysia terdiri daripada dua jenis sahaja, iaitu perjanjian anti-persaingan dan penyalahgunaan kedudukan dominan, bab 6 yang bertajuk *The Exemption Regime* pula membincangkan tentang pelepasan liabiliti sekiranya sesuatu perusahaan telah didapati terlibat dalam perjanjian anti-persaingan. Pelepasan liabiliti ini hanya terpakai bagi kes-kes pelanggaran yang melibatkan perjanjian anti-persaingan sahaja dan tidak termasuk pelanggaran disebabkan oleh penyalahgunaan kedudukan dominan. Bagi tujuan permohonan pelepasan liabiliti, penulis-penulis membincangkan tentang dua jenis pengecualian yang boleh dipohon iaitu pengecualian individu dan pengecualian blok, tertakluk sekiranya syarat-syarat pelepasan liabiliti dapat dipenuhi oleh pihak-pihak yang memohon. Ia juga dikenali sebagai Menurut penulis-penulis lagi, berdasarkan pada Akta Persaingan 2010, terdapat lima elemen yang perlu dipenuhi sebelum pelepasan liabiliti boleh dipohon iaitu perjanjian tersebut mempunyai faedah signifikan sama ada dari segi kecekapan atau sosial, perjanjian tersebut amat diperlukan, perjanjian tersebut memberikan faedah sosial, perjanjian tersebut berkadaran dengan faedah yang diberikan dan perjanjian tersebut tidak menghapuskan persaingan sama sekali dalam pasaran. Di dalam bab 6 ini, penulis-penulis memperincikan tentang lima elemen tersebut di atas serta metod bagi permohonan pengecualian individu dan pengecualian blok bagi tujuan pelepasan liabiliti. Penerangan berkaitan permohonan pengecualian blok bagi tujuan pelepasan liabiliti, penulis-penulis membincangkan tentang pengecualian blok yang telah diberikan oleh Suruhanjaya Persaingan kepada Perjanjian Perkongsian Vesel dan Perjanjian Perbincangan Sukarela. Menurut penuli-penulis, pengecualian blok yang diberi pada dua jenis perjanjian tersebut juga dikenali sebagai pengecualian blok bersyarat kerana pengecualian tersebut tertakluk sama ada pihak-pihak yang berjanji memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Persaingan sebelum pengecualian dapat diberikan. Sekiranya pihak-pihak tersebut gagal untuk memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, maka pengecualian tersebut akan ditarik balik.

Bab 7 buku ini membincangkan tentang badan penguatkuasa Undang-Undang Persaingan di Malaysia, iaitu Suruhanjaya Persaingan. Bab 7 ini menerangkan tentang Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 yang meliputi objektif penubuhan suruhanjaya, peranan dan juga yang kuasa yang diberikan oleh undang-undang kepada suruhanjaya tersebut. Perbincangan di awal bab 7 ini dimulakan dengan keperluan mewujudkan Suruhanjaya Persaingan di Malaysia dengan mengambil kira pendekatan yang dibuat di Kesatuan Eropah. Penulis-penulis membangkitkan beberapa faktor tentang kepentingan kewujudan Suruhanjaya Persaingan Malaysia iaitu, kemahiran dan pengetahuan khusus berkaitan Undang-Undang Persaingan diperlukan kerana kes-kes yang melibatkan persaingan bersifat kompleks dan juga untuk mengurangkan kebergantungan pada sistem Mahkamah bagi tujuan mempercepatkan proses kes-kes yang dilaporkan. Seterusnya, penulis-penulis memberikan penerangan berkaitan kewujudan Suruhanjaya Persaingan Malaysia, seperti tahun penubuhan suruhanjaya tersebut, lantikan ahli suruhanjaya dan juga komposisi Suruhanjaya Persaingan Malaysia. Kuasa-kuasa yang diberikan pada Suruhanjaya Persaingan Malaysia juga menjadi topik perbincangan di bab 7 ini yang mana kuasa tersebut dibahagikan pada kuasa menjalankan siasatan, kuasa menjalankan kajian pasaran, kuasa untuk mengenakan langkah interim, kuasa untuk memberikan kelonggaran, kuasa untuk menerima akujanji dan juga kuasa untuk mengenakan penalti. Selain daripada kuasa-kuasa yang tersebut di atas, Suruhanjaya Persaingan Malaysia juga mempunyai kuasa untuk mendengar representasi lisan dan membuat keputusan samada terdapat terdapat pelanggaran atau tidak terhadap sesuatu kes. Bagi setiap kuasa yang disenaraikan tersebut di atas, penulis-penulis memberikan contoh-contoh kes yang diputuskan

oleh Suruhanjaya Persaingan untuk memberikan gambaran jelas kepada pembaca tentang bidangkuasa yang ada pada Suruhanjaya Persaingan.

Selain daripada itu, di dalam bab 7 ini juga, pembaca-pembaca juga diberikan maklumat tentang tindakan persendirian yang boleh diambil oleh orang perseorangan yang mengalami kerugian atau kehilangan secara langsung akibat daripada pelanggaran terhadap larangan yang terkandung di dalam Akta Persaingan 2010. Penulis-penulis berpendapat bahawa tindakan persendirian yang dibenarkan oleh Akta Persaingan 2010 bertujuan untuk mengurangkan beban Suruhanjaya Persaingan dalam mengambil tindakan terhadap semua kes berkaitan anti-persaingan.

Bab 7 ini juga menyentuh tentang penubuhan Tribunal Rayuan Persaingan yang dibuat di bawah seksyen 44 Akta Persaingan 2010 yang berfungsi sebagai sebagai satu badan yang mempunyai kuasa eksklusif untuk mengkaji keputusan yang telah dibuat oleh Suruhanjaya Persaingan. Di antara perkara-perkara yang diketengahkan oleh penulis-penulis berkaitan dengan Tribunal Rayuan Persaingan ialah tentang keanggotaan Tribunal tersebut, peranan dan juga kuasa Tribunal Rayuan Persaingan. Menurut penulis-penulis lagi, walaupun Suruhanjaya Persaingan dan Tribunal Rayuan Persaingan ditubuhkan bagi tujuan untuk mendengar dan membuat keputusan berhubung kes-kes berkaitan persaingan, namun ia tidak menghalang mana-mana pihak yang terkilan membuat semakan kehakiman.

Seterusnya, bab 8 dan bab 9 buku ini pula menerangkan tentang undang-undang persaingan yang dikawal selia oleh sektor komunikasi dan multimedia serta lain-lain sektor yang tidak tertakluk pada peruntukkan dalam Akta Persaingan 2010, seperti Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan juga Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015.

Bab 8 buku ini mengkhusus pada perbincangan tentang peruntukkan undang-undang persaingan di dalam sektor komunikasi dan multimedia yang ditadbir oleh Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Perbincangan dalam bab 8 ini memperincikan tentang elemen-elemen yang boleh menjadikan sesuatu aktiviti di dalam sektor komunikasi sebagai satu kesalahan di dalam undang-undang persaingan. Menurut penulis-penulis, perbincangan dalam bab 8 buku ini adalah relevan memandangkan Undang-Undang Persaingan yang ditadbir oleh sektor komunikasi dan multimedia mengandungi sedikit perbezaan dari segi perlaksanaannya dengan Akta Persaingan 2010. Di dalam bab 8 ini juga, maklumat tentang konsep monopoli yang dianggap secara semula jadi wujud dalam sektor komunikasi multimedia dihuraikan dengan terperinci oleh penulis-penulis. Selain daripada itu, kupasan berkaitan peruntukkan yang terkandung di dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan juga Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998 dibuat oleh penulis-penulis dengan terperinci bagi memastikan pembaca-pembaca dapat memahami aplikasi undang-undang persaingan dalam sektor komunikasi dan multimedia. Penulis-penulis juga menghuraikan isu-isu anti-persaingan yang wujud di dalam sektor komunikasi dan multimedia serta mekanisma penilaian yang digunakan oleh sektor komunikasi dan multimedia dalam menyelesaikan kes yang melibatkan anti-persaingan.

Pendekatan yang sama digunakan oleh penulis-penulis di dalam bab 9 buku ini dengan mengkhususkan perbincangan hanya pada sektor perkhidmatan kewangan di Malaysia dan juga sektor penerbangan. Perbincangan yang dibawa oleh penulis-penulis di dalam bab 9 ini agak ringkas, namun padat kerana kedua-dua sektor yang disebut di atas telah memasukkan peruntukkan undang-undang berkaitan persaingan di dalam undang-undang masing-masing

iaitu Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan juga Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015. Menurut penulis-penulis, peruntukkan berkaitan persaingan yang dimasukkan di dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 bertujuan menjaga dan melindungi kepentingan pengguna yang terlibat dengan sektor kewangan. Walaupun Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 memasukkan peruntukkan berkaitan persaingan, namun sektor kewangan masih lagi tertakluk pada peruntukkan di bawah Akta Persaingan 2010. Dua isu berkaitan persaingan dalam sektor kewangan dibangkitkan oleh penulis-penulis iaitu isu berkaitan pakatan sulit dan juga isu berkaitan jualan ikatan. Selain itu, penulis-penulis juga mengutarakan pandangan supaya pihak-pihak berautoriti seperti Bank Negara Malaysia dan juga Suruhanjaya Persaingan bekerjasama bagi memastikan pasaran kewangan dapat dikendalikan dengan sempurna dan memberi keyakinan kepada pengguna terhadap sistem kewangan di Malaysia.

Perbincangan bagi sektor penerbangan di dalam bab 9 ini pula lebih terarah pada penelitian peruntukkan undang-undang berkaitan persaingan yang terkandung di dalam Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015. Penulis-penulis menyenaraikan peruntukkan undang-undang berkaitan persaingan yang terkandung di dalam Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 serta membuat perbandingan peruntukkan tersebut dengan Akta Persaingan 2010. Di penghujung bab 9 ini, penulis-penulis memberikan penerangan ringkas tentang isu berkaitan penggabungan dan kekecualian yang terkandung di dalam Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015.

Secara kesimpulannya, buku ini amat istimewa kerana, sehingga ke tarikh artikel ini ditulis, buku ini merupakan satu-satunya buku di Malaysia yang membincangkan tentang undang-undang persaingan dalam konteks tempatan. Pendekatan yang dibuat oleh penulis-penulis buku ini jelas memperlihatkan aplikasi Akta Persaingan 2010 di Malaysia dengan mengambil contoh kes-kes yang telah diputuskan oleh Suruhanjaya Persaingan dan juga melihat serta membanding undang-undang persaingan yang dikuatkuasakan di Kesatuan Eropah. Buku ini amat sesuai dijadikan rujukan utama untuk pelajar-pelajar universiti, para akademik dan juga orang awam yang ingin mendalami undang-undang persaingan di Malaysia.

Haliza A. Shukor

Fakulti Undang-Undang dan Syariah
Universiti Sains Islam Malaysia.